



**KEMENTERIAN SUMBER ASLI
DAN KELESTARIAN ALAM**

TEKS UCAPAN

**YBHG. DATUK DR. CHING THOO A/L KIM
KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN
KELESTARIAN ALAM (NRES)**

SEMPENA

**PROGRAM SEMARAK DESA: KAMPUNG ANGKAT MADANI
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM (NRES)**

13 DISEMBER 2025 (SABTU) | 7.00 PAGI

KAMPUNG NANGKA SIAM, PENDANG KEDAH

SALUTASI

[AKAN DIKEMASKINI SEBELUM PROGRAM]

Yang Berbahagia Datuk Mas Rizal bin Mohd Hilmi

Timbalan Ketua Setiausaha (Sumber Asli) NRES

YBhg. Datuk Dr. Ismail bin Parlan

Ketua Pengarah FRIM

YBrs Tuan Nasrun bin Dato' Mohd Sheriff

Pegawai Daerah Pendang

YBrs Tuan Bon Lee A/L Tan Pett

Wakil Komuniti Kampung An

Ketua-Ketua Jabatan Kerajaan Negeri dan Persekutuan;

Ketua-ketua Jabatan dan Agensi NRES;

Ketua-Ketua Komuniti Tempatan.

Saudara saudari yang saya hormati sekalian.

Salam Sejahtera, Salam Perpaduan, dan Salam MADANI.

1. Selamat datang dan terima kasih saya ucapkan atas kehadiran semua pada pagi yang sungguh bersejarah ini, sempena kemuncak Program Semarak Desa: Kampung Angkat MADANI NRES Tahun 2025.
2. Setinggi-tinggi penghargaan khas dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah, atas kesudian meluangkan masa dan merasmikan majlis penuh bermakna kita pada hari ini. Kehadiran Yang Berhormat mencerminkan komitmen Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan terhadap usaha murni dan berterusan dalam pembangunan luar bandar yang lestari.
3. Majlis yang kita raikan hari ini merupakan kemuncak kejayaan pelaksanaan inisiatif Kampung Angkat MADANI NRES di dua buah kampung terpilih di Pendang, Kedah—iaitu Kampung Nangka Siam dan Kampung Lahar Tunjung.
4. Inisiatif ini adalah bukti bahawa NRES komited untuk memastikan pembangunan desa seiring dengan pemeliharaan sumber asli, bagi memartabatkan komuniti luar bandar agar menjadi model masyarakat yang maju, sejahtera, dan lestari.

PROGRAM KAMPUNG ANGKAT MADANI

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati,

5. NRES mengambil peranan proaktif bagi memastikan pembangunan desa yang seiring dengan pemeliharaan sumber asli. Program Kampung Angkat MADANI ini dilancarkan untuk memartabatkan komuniti luar bandar agar menjadi model masyarakat yang maju, sejahtera, dan lestari.
6. Program Kampung Angkat MADANI telah mula diperkenalkan oleh Kerajaan melalui Belanjawan 2024, khususnya untuk membantu melengkapkan dan memperbaiki infrastruktur dan kemudahan asas di kampung yang mempunyai liputan kemudahan di bawah 50%. Sebagai kesinambungan, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak **RM1.0 juta** di bawah Program Kampung Angkat MADANI 2025 bagi pelaksanaan kerja-kerja menaiktaraf kemudahan kampung di sini.

SEKOLAH ANGKAT MADANI

7. Pada masa yang sama, pihak Kementerian juga telah memilih **Sekolah Kebangsaan Pokok Asam, Pendang Kedah** sebagai Sekolah Angkat Kementerian. Ini merupakan satu pengiktirafan yang membuka ruang kerjasama antara sektor pendidikan dan agensi kerajaan, khususnya dalam mempertingkatkan mutu pendidikan, persekitaran sekolah, dan hubungan dengan masyarakat.

8. Atas semangat tersebut, pihak Kementerian telah membelanjakan **RM100 ribu** bagi pelaksanaan kerja-kerja menaik taraf kemudahan sekolah meliputi meliputi komponen penyediaan smart classroom dan keceriaan sekolah. Di samping itu, Kementerian juga telah berjaya menarik kerjasama beberapa pihak korporat bagi menjalankan program CSR di sekolah tersebut.

PEMILIHAN PROJEK MENGIKUT KEUTAMAAN

Hadirin sekalian,

9. Kita sedia maklum bahawa kehidupan di kampung sering berhadapan dengan cabaran infrastruktur asas. Komuniti di Pendang, terutamanya di Kampung Nangka Siam dan Kampung Lahar Tunjung, tidak terkecuali.
10. Dalam mendalami bebanan rakyat, kami sebagai jentera kerajaan perlu turun ke lapangan bukan sahaja menyampaikan perkhidmatan, tetapi mendengar suara rakyat, memahami keperluan tempatan, dan bersama membina penyelesaian. Di sini, kita dapati penduduk sering terkesan dengan masalah harian seperti:
 - i. gangguan bekalan air yang kerap terjejas;
 - ii. Dewan Awam juga uzur dan mengalami kerosakan akibat serangan anai-anai;
 - iii. jalan-jalan kampung pula berada dalam keadaan kurang sempurna; dan
 - iv. isu tanah perkuburan yang tidak mencukupi.

11. Justeru, Program Semarak Desa merupakan simbolik kepada penyempurnaan komitmen NRES dalam melaksanakan pelbagai projek untuk membantu melengkapkan kemudahan asas kampung meliputi skop:

Bil	Skop	Peruntukan (RM)
i	Pembinaan telaga tiub melalui JMG	300,000
ii	Menaik taraf dewan awam melalui JPSPM	130,000
iii	Menaik taraf jalan kampung melalui JUPEM dan FRIM	285,000
iv	Menaik taraf tanah perkuburan melalui Jabatan PERHILITAN	150,000
v	Program sosial dan kemasyarakatan melalui FRIM	135,000
	JUMLAH	1,000,000

12. Selain jumlah tersebut, Kementerian juga berjaya mendapat kerjasama daripada Institut Kemahiran Mara (IKM) Sungai Petani bagi melaksanakan kerja pemasangan saluran paip air di bawah **Program TVET on Job Training** dengan peruntukan berjumlah **RM 96,200**. Maka, jumlah sebenar peruntukan bagi pelaksanaan Program Kampung Angkat MADANI adalah **lebih daripada RM1.0 juta yang telah disediakan**.

KERJASAMA PELBAGAI JABATAN DAN AGENSI

13. Kejayaan Program Kampung Angkat MADANI ini adalah lambang kejayaan konsep "*Whole of Nation*" atau Pendekatan Seluruh Negara selari dengan hasrat Kerajaan. Ia membuktikan bahawa pembangunan desa tidak boleh dipikul sendirian oleh satu pihak.
14. Projek ini melibatkan pelbagai Jabatan dan Agensi di bawah NRES dan juga dari agensi lain. Contohnya, JPSP menaik taraf Dewan Awam , JMG membina Telaga Air Bawah Tanah , JUPEM menaik taraf jalan kampung, Jabatan PERHILITAN menaik taraf tanah perkuburan dan FRIM melaksanakan program sosial dan kemasyarakatan.
15. Bukan setakat itu, pelbagai agensi lain yang turut terlibat termasuk Pejabat Daerah Pendang, Tenaga Nasional Berhad, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM), Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKDW), ICU Negeri, dan lain-lain Jabatan/Agensi yang terlibat secara langsung dan tidak langsung demi kejayaan program ini.
16. Kami juga amat berterima kasih atas komitmen Kerajaan Negeri Kedah yang berterusan menyokong usaha NRES.
17. Yang amat membanggakan, pelaksanaan projek ini turut disempurnakan melalui semangat **gotong-royong** yang jitu daripada komuniti Kampung Nangka Siam dan Kampung Lahar Tunjung sendiri. Inilah budaya yang perlu kita pupuk. Komuniti

bukan sahaja menerima, tetapi bersama-sama berganding bahu dalam pembangunan desa lestari bersama pihak Kerajaan.

PENGISIAN PROGRAM SEMARAK DESA

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

18. Bersempena program Semarak Desa hari ini, pelbagai aktiviti telah disediakan bagi memupuk semangat perpaduan sesama kita. Program ini juga terbuka luas, bukan sahaja kepada penduduk dua kampung terlibat, tetapi turut disertai oleh kampung-kampung berdekatan. Marilah kita bersama-sama menyertai semua acara yang disediakan, termasuk:

- (i) **Aktiviti sosial dan kemasyarakatan untuk semua peringkat umur:** Sukan rakyat, rewang masak gulai kawah, pertandingan eksplorasi jelajah kampung, fun run larian warisan, berbasikal, pertandingan memasak untuk wanita, mewarna untuk kanak-kanak, dan sebagainya.
- (ii) **Perkhidmatan Reruai Jabatan:** Pengunjung boleh dapatkan perkhidmatan terus di sini:
 - a. **Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ):** Semakan dan bayar saman, renew lesen, pendaftaran lesen memandu, dan penukaran topi keledar lama secara percuma.

- b. **Kaunter ANSB:** Membuka akaun ASB dan semakan akaun.
 - c. **Jualan Rahmah oleh KPDN:** Harga lebih murah ditawarkan sehingga 30%.
 - d. **FRIM, JPSM, JKPTG, JMG, AADK dan lain-lain agensi** turut menyediakan demonstrasi, kempen, dan pameran yang berinformasi.
 - e. **Jabatan PERHILITAN** turut menyediakan pameran gajah.
- (ii) Juga, jangan lepaskan peluang untuk **Cabutan Bertuah** dengan pelbagai hadiah menarik.

HARAPAN KEPADA KERAJAAN NEGERI KEDAH

Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah,

19. Kami di NRES amat berbesar hati dengan segala kerjasama yang telah diberikan oleh pihak Kerajaan Negeri Kedah. Kehadiran Yang Berhormat mencerminkan komitmen padu Kerajaan dan berharap agar momentum kerjasama dan sokongan ini dapat diteruskan.
20. Kami juga amat berharap agar pihak Kerajaan Negeri Kedah dapat mempertimbangkan inisiatif untuk meluaskan bantuan kepada kampung-kampung di sini, terutamanya dalam aspek melengkapkan dan menambah baik infrastruktur dan kemudahan asas yang kritikal.

HARAPAN KEPADA PENDUDUK

21. Kepada penduduk Kampung Nangka Siam dan Kampung Lahar Tunjung, dengan kemudahan-kemudahan yang telah disediakan ini, ianya dapat membantu masyarakat Kampung menikmati kesejahteraan yang lebih baik dalam kehidupan seharian.
22. Oleh itu, marilah kita menanamkan rasa syukur dan menghargai usaha berterusan yang ditunjukkan oleh Kerajaan. Kita perlu memastikan penjagaan dan memanfaatkan sebaik-baiknya segala kemudahan yang telah diterima, seterusnya berusaha membangunkan lagi kampung ini agar menjadi sebuah kampung yang berdaya saing.

PENUTUP

23. Akhir kata, saya mengambil kesempatan disini untuk mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua rakan strategik yang terlibat dalam menjayakan program dan projek bersama-sama komuniti kampung ini.
24. Marilah kita bersama-sama beriltizam untuk memanfaatkan kemudahan yang telah diterima, dan terus berusaha membangunkan lagi kampung ini agar menjadi sebuah kampung yang berdaya saing, ekonomi bertambah baik, serta menjadi model desa yang lestari dan prihatin alam.

Sekian, terima kasih.